

## **PENELITIAN TERHADAP KRITERIA DAN TEKSTUAL IJAZAH SANAD AL-QURAN**

A STUDY ON CRITERIA AND TECHNICAL SPECIFICATIONS OF QURANIC SANAD

**Norazman bin Alias**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
E-mail: norazman@usim.edu.my

**Khairul Anuar bin Mohamad**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
E-mail: khairul@usim.edu.my

### **ABSTRAK**

Kaedah pengijazahan sanad al-Quran di Malaysia masih lagi agak asing dan belum dikenali oleh kebanyakan masyarakat di Malaysia. Amalan ini hanya diketahui dan dikenali berputar di sekeliling para guru al-Quran, mahasiswa universiti dan para menghafaz al-Quran. Bagi pemegang sanad al-Quran pula, terdapat di kalangan mereka yang memperolehnya melalui program talaqqi al-Quran yang dianjurkan oleh pihak berkaitan di dalam negara mahupun di luar negara seperti di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kelantan, Pusat Pengajian Al Mufid, Kuala Terengganu, Terengganu, Maahad Qiraat Al-Azhar, Shoubra, Mesir, Universiti Islam Antarabangsa Madinah dan sebagainya. Malahan, trend masa kini pula menunjukkan ramai tokoh dan pakar dalam bidang al-Quran khususnya dari negara Arab dijemput ke tanahair untuk mengendalikan program talaqqi al-Quran bersanad di tanahair seperti di Ainhafeez Enterprise, Klang, Selangor dan Pusat Pengajian Khozandaroh, Kajang, Selangor. Program seumpama ini sedikit sebanyak memberi impak kepada kefahaman masyarakat awam terhadap realiti amalan ijazah sanad al-Quran yang diamalkan secara warisan sejak zaman wahyu diturunkan. Atas kesedaran itu, terdapat beberapa isu penting seperti kefahaman pemegang sanad terhadap item dan tekstual ijazah sanad al-Quran itu sendiri perlu diteliti dan diperhalusi terlebih dahulu oleh pihak penganjur. Hal ini adalah kerana proses pengijazahan sanad al-Quran dan tekstual ijazah sanad al-Quran adalah berbeza daripada disiplin ijazah sanad dalam cabang ilmu Islam yang lain seperti ilmu Hadis dan ijazah kitab. Justeru itu, kajian ini akan memberi fokus kepada dua objektif utama iaitu memberi kefahaman terhadap ijazah sanad al-Quran dan analisa tekstual ijazah sanad al-Quran. Kajian yang bersifat kualitatif ini dibangunkan menerusi metode perpustakaan dan metode deduktif iaitu menganalisis sanad al-Quran yang diperolehi sebagai bahan kajian dalam menatijahkan kriteria penting dalam ilmu sanad al-Quran. Dapatan awal menunjukkan

kepelbagaian bentuk tekstual sanad al-Quran di serata dunia tanpa menggugurkan item penting dalam penulisan ilmu sanad al-Quran seperti nama tajuk, nama pemberi dan penerima, cop dan tandatangan, tarikh dan maklumat lain. Maka, kefahaman terhadap tekstual sanad al-Quran ini amatlah penting agar amalan pengijazahan sanad al-Quran yang ditradisikan ini dapat dikekalkan dan diperkemaskan selari dengan tuntutan syara' dan semasa. Walhasilnya, amanah pemegang sanad al-Quran itu dapat disampaikan kepada ahlinya dengan kefahaman yang benar terhadap tekstual ijazah sanad al-Quran serta tidak dianugerahkan secara semberono kepada yang bukan ahlinya.

**Kata kunci:** Kriteria, Tekstual Ijazah, Sanad al-Quran.

### ABSTRACT

The method of *ijazah* (permission) *sanad* (authority) of al-Quran in Malaysia is still relatively unfamiliar and unknown to most people in Malaysia. Perhaps this practice is exclusive to the Quranic teachers, *huffaz* (who have memorized) of the Quran, and students of higher education. Furthermore, among the Quranic *sanad* holders are those who have obtained it through the Qur'anic *talaqqi* (acquisition) program coordinated by organizational authorities within and outside of the country such as Sultan Ismail Petra International Islamic College of Kelantan, Al Mufid Studies Center of Terengganu, Al-Azhar Maahad Qiraat of Egypt, International Islamic University of Madinah and many more. In fact, the current trend shows that many people and scholars in the field of Quranic studies especially from Arab countries have been invited to conduct home-based Quranic *talaqqi* programs. This is especially the case for programs organized by Ainhafeez Enterprise and Khozandaroh Studies Center of Selangor. These programs contribute more to the understanding of public towards the substantiality of the Quranic *ijazah sanad* that has been traditionally practiced since the time of revelation. In light of this phenomenon, there are some important issues such as the understanding of the component and the textual content of Quranic *sanad* among the *sanad* holders that need to be addressed and refined by the organizers. This process of *ijazah sanad* is of importance since the textual content is utterly different from other discipline of Islamic sciences like hadith or *ijazah* of classical *turath* (heritage) books. Therefore, this study discusses the concept of *ijazah sanad* of al-Quran as well as the textual content of Quranic *sanad*. This qualitative study employs library-based and deductive method in analyzing textual content of Quranic *sanad* in order to fulfill the fundamental characterization of Quranic *sanad* sciences. The preliminary findings show the diversities of textual content of Quranic *sanad* all over the world are unbridged from important items of Quranic *sanad* written text such as title, awarding body and recipient, official stamp and signature including other information. Accordingly, the understanding of textual content of Quranic *sanad* is essential for its preservation apart from refinement of sharia's demand and contemporary culture. Having a proper understanding of the Quranic *sanad*, the transmission of this tradition from one generation to another can be confined within trustees and not be awarded to the outsiders.

**Keywords:** Criteria, Textual of *Ijazah*, Sanad al-Quran.

## 1. PENDAHULUAN

Mutakhir ini, amalan talaqqi al-Quran secara bersanad telah pun mendapat tempat di hati masyarakat Islam di Malaysia khususnya sebagai satu pengiktirafan yang tertinggi dalam bacaan al-Quran seseorang itu. Meskipun masyarakat umum keseluruhannya masih belum lagi cakna dan peduli dengan amalan talaqqi al-Quran bersanad, kewujudan pusat dan institusi yang menawarkan program seumpama ini boleh menjadi kayu ukur dan penanda aras atas sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat setempat. Antara pusat dan institusi tersebut ialah *Ijazah Talaqqi Musyafahah Bersanad 30 Juzuk al-Quran* oleh REHAL Resources, *Sijil Talaqqi al-Quran 30 Juzuk Bersanad* oleh Akademi Baghdadi, *Kursus Talaqqi Qiraat al-Quran Bersanad* oleh Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), *Nilam Puri, Ijazah Sanad al-Quran Riwayat Hafs 'an 'Asim* oleh Syeikh Mohamad Muhsin bin Dato' Syeikh Ahmad di Seremban dan sebagainya.<sup>1</sup>

Perkembangan yang positif ini dalam bidang pengajian talaqqi al-Quran al-Karim perlulah terus disokong dan didokong oleh semua lapisan masyarakat. Meskipun satu organisasi atau pusat di bawah kendalian pihak kerajaan belum lagi ditubuhkan dalam menyelaraskan program talaqqi al-Quran bersanad ini, kelompondan dan kelemahan yang ada tidak boleh dijadikan sebagai batu penghalang dalam menyebarkan dakwah celik al-Quran kepada masyarakat Islam setempat. Namun begitu, dalam keghairahan pihak penganjur dan minat yang tinggi dalam menawarkan program bersifat nilai komersial ini, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dan diteliti seperti kefahaman pemegang sanad terhadap item dan tekstual *ijazah sanad al-Quran* itu sendiri, agar *ijazah sanad al-Quran* yang diterima menepati dengan kriteria sebenar yang diletakkan oleh para ulama dan *ijazah* tersebut tidak disalahguna bagi tujuan tertentu.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan, temubual dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding.

## 3. HASIL DAN PERBINCANGAN

---

<sup>1</sup> Mohamad Muhsin bin Ahmad (2013, 14 Mac). Pengetua Maahad Tahfiz al-Saidiyyah, Paroi. Temuramah.

### Definisi Ijazah:

Perkataan ijazah الإجازة merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar أَجَزَ iaitu memberi izin kepada seseorang.<sup>2</sup> Adapun الإجازة itu mempunyai beberapa pengertian iaitu:

Pertama: Melaksanakan urusan dan pandangan, dikatakan أَجَزَ رَأْيُهُ iaitu melaksanakannya.

Kedua: Anugerah dan pemberian, dikatakan أَجَزَ يُجِزُهُ iaitu memberi. Apabila seorang guru mengijazahkan muridnya bererti dia memberi izin kepadanya periwayatan sesuatu.<sup>3</sup>

Dari segi istilah pula, perkataan الإجازة mempunyai beberapa pengertian dan huraian yang berbeza mengikut disiplin ilmu dan kajian. Antaranya ialah:

#### Pertama: Ijazah dari perspektif ilmu Hadis (asal penggunaan Ijazah)

Menurut Imam al-Syumunni sebagaimana yang dinukilkan oleh Imam al-Suyuti, ijazah dari segi istilah ialah memberi izin dalam meriwayatkan sesuatu sama ada lafaz mahupun tulisan, dan ia boleh digunapakai secara umum.<sup>4</sup>

Adapun rukun Ijazah, Imam al-Suyuti membahagikannya kepada empat rukun iaitu pengijazah, penerima ijazah, sesuatu yang diijazah dan lafaz ijazah.<sup>5</sup> Namun, pandangan ini disanggah oleh Imam al-Tahanawi dengan katanya: Rukun ijazah itu terbahagi kepada tiga iaitu pengijazah, penerima ijazah dan sesuatu yang diijazah. Adapun lafaz ijazah sebenarnya tidak disyaratkan.<sup>6</sup>

Menurut Imam Ibn al-Jazari, lafaz ijazah terbahagi kepada empat. Kata beliau: “Dan yang paling tinggi bagi penerima ijazah ialah keizinan dan kelayakan, kemudian ijazah dan kelayakan, kemudian keizinan sahaja dan yang terakhir ialah ijazah sahaja. Diharuskan lafaz itu ialah: “أَجَزْتُ لَهُ أَنْ يُقْرَأَ بِكَذَا” aku mengijazahkan baginya untuk mengajar bacaan.<sup>7</sup>

#### Kedua: Ijazah dari perspektif ilmu Qiraat

Ijazah dari sudut ilmu Qiraat pula ialah proses perpindahan bacaan al-Quran secara turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain iaitu dengan penyaksian pengijazah

<sup>2</sup> Muhammad bin Ali Ibn al-Qadhi al-Tahanawi. 1996. *Mausu'ah Kashsyaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun. Ms 99.

<sup>3</sup> Jama'ah min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab. 1989. *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Kaherah: Larus. Ms 278.

<sup>4</sup> Jalaluddin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti. 2003. *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar Tayyibah. Jld 1. Ms 467.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Al-Tahanawi. *Mausu'ah Kashsyaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Ms 99.

<sup>7</sup> Muhammad bin Muhammad Ibn al-Jazari. 1999. *Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Ms 16.

bahawa bacaan penerima ijazah menepati bacaan sebenarnya. Kemudian beliau memberi izin kepada penerima ijazah untuk mengajarkan bacaan al-Quran itu kepada orang lain.<sup>8</sup> Berkata Ibrahim bin Sa'id al-Dausari: Ijazah ialah keizinan bagi seseorang Qari untuk mengajar satu riwayat atau lebih, dan ia disyaratkan secara musyafahah kerana pada Qiraat terdapat bacaan yang tidak boleh dihukum melainkan secara pengambilan musyafahah.<sup>9</sup>

Dalil bagi amalan ijazah bacaan al-Quran ini ialah:

- i. Firman Allah SWT:

﴿وَإِنَّاكَ لَتَلَقَّى الْقُرْآنَ مِن لَّدُنَّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾﴾

Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima Al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.<sup>10</sup>

- ii. Firman Allah SWT:

﴿فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾﴾

Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;<sup>11</sup>

Berkata Imam al-Tabari ketika mentafsirkan ayat di atas; “Maka apabila Kami menurunkannya (al-Quran) kepadamu maka ikutlah apa yang ada padanya”.<sup>12</sup>

- iii. Berkata Abu ‘Amr bin al-‘Ala’: “Tidaklah aku membaca satu huruf melainkan daripada *athar* dan mendengar serta memperdengarkan bacaan”.<sup>13</sup>

Berdasarkan kepada dua takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa pengertian ijazah dari sudut ilmu hadis berbeza dengan pandangan ilmu Qiraat, di mana bacaan al-Quran merupakan sesuatu yang tidak boleh dihukum melainkan secara pengambilan talaqqi dan musyafahah, dan dilarang mengijazah sanad al-Quran kepada seseorang yang tidak mengambalnya secara talaqqi dan musyafahah. Malahan, menurut Imam Ahmad bin Muhammad al-Banna, tidak memadai bagi seseorang itu hanya mendengar bacaan gurunya sahaja meskipun ia dibenarkan dalam disiplin ilmu hadis, kerana yang objektifnya ialah

<sup>8</sup> Usamah Yasin Hijazi. 2005. *Hal al-Tajwid Wajib*. Beirut: Dar al-Minhaj. Ms 129.

<sup>9</sup> Ibrahim bin Sa'id al-Dausari. 2008. *Mukhtasar al-Ibarat li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*. Riyadh: Dar al-Hadharah. Ms 13.

<sup>10</sup> Al-Quran al-Karim. 27: 6.

<sup>11</sup> Al-Quran al-Karim. 75: 18.

<sup>12</sup> Muhammad bin Jarir al-Tabari. 2001. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aay al-Quran*. Kaherah: Dar Hijr. Jld 1. Ms 95.

<sup>13</sup> Abd al-Wahhab bin Wahban. 2004. *Ahasin al-Akhbar fi Mahasin al-Sab'ah al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Ms 63.

teknik sebutan, dan bukan semua orang yang mendengar bacaan guru mampu menyebutnya secara sempurna.<sup>14</sup>

### Definisi Sanad

Sanad berasal dari kata kerja bahasa Arab iaitu “سَنَّ” yang bermaksud bertelekan, berteleku, bersandar dan menyandarkan. Adapun “سَنَدٌ” pula bermaksud tempat sandaran.<sup>15</sup> Istilah sanad seringkali dinisbahkan kepada ilmu Hadis. Menurut pandangan ulama Hadis, sanad dikenali sebagai rangkaian perawi-perawi hadis yang meriwayatkan hadis daripada seseorang daripada seseorang sehingga sampai kepada Rasulullah saw.<sup>16</sup>

Sanad al-Quran pula digunapakai di kalangan ulama Qiraat yang merujuk kepada rangkaian *qari'* atau *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah saw. Berkata Syeikh Badr al-Din: “Dan adapun sanad dari segi istilah Qurra' ialah penyaksian daripada guru pengijazah bagi pelajar yang diberi ijazah bahawa beliau telah membaca al-Quran di hadapannya secara khatam bersama menjaga hukum tajwid, penelitian dan boleh membeza *mutasyabihat*, lalu dia layak untuk mengajarkannya kepada orang lain, sama ada satu riwayat seperti riwayat Qalun daripada Nafi', riwayat Hafsh daripada 'Asim, riwayat Khalaf daripada Hamzah, ataupun Qiraat yang tujuh daripada *Toriq al-Syatibyyah*, ataupun Qiraat yang tiga daripada *Toriq al-Durrah*, ataupun Qiraat yang sepuluh daripada *Toriq al-Nashr*.”<sup>17</sup> Berkata Imam Ibn al-Jazari: “Dan adapun apa yang menjadi kebiasaan adat berkaitan kesaksian syeikh dengan ijazah dan bacaan, maka perkara tersebut adalah baik”.<sup>18</sup> Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnad* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu bacaan al-Quran.

Takrifan sanad al-Quran di atas menjelaskan kepada kita bahawa ia merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam sebagai asas pengiktirafan bacaan al-Quran daripada seorang *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah saw, sama ada menurut satu riwayat bacaan mahupun kepelbagaian Qiraat yang lain yang bersifat mutawatir sebagaimana diwahyukan kepada baginda saw. Secara umumnya, guru yang memberi sanad akan memastikan pelajar sudah mengkhatamkan al-Quran dan membacanya dengan lidah yang fasih, menguasai ilmu Tajwid dan memahami kaedah *Waqf* dan *Ibtida'*. Namun terdapat juga sebahagian guru yang mensyaratkan agar pelajar membaca al-Quran secara hafazan tanpa melihat kepada mushaf.

<sup>14</sup> Ahmad bin Muhammad al-Banna. 2006. *Ithaf Fudhala' al-Bashar fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Ms 17.

<sup>15</sup> Majma' al-Lughah al-Qahirah. 2003. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Syuruq al-Dauliyyah. Ms 454.

<sup>16</sup> Nur al-Din 'Itir. 1997. *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*. Beirut: Dar al-Fikr. Ms 33.

<sup>17</sup> Badr al-Din (2 Februari 2014). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Rujuk: <http://otruija.com/2014-02-02/%D9%85%D8%B9%D9%86%D9%89-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%AC%D8%A7%D8%B2%D8%A9-%D8%B9%D9%86%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A1-3/>

<sup>18</sup> Al-Jazari. *Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Talibin*. Ms 16.

Merujuk kepada isu sanad al-Quran, kebanyakan sanad yang diijazahkan pada zaman mutakhir ini boleh dikatakan melalui seorang pakar qiraat dan syeikh al-Qurra' di Mesir iaitu Syeikh Mutawalli yang meninggal dunia pada tahun 1313H. Beliau merupakan guru al-Quran yang tersohor pada zaman tersebut dan antara muridnya yang terakhir ialah Syeikh Muhammad Makki Nasr (penulis kitab Tajwid yang berjudul *Nihayah al-Qaul al-Mufid*) dan Syeikh 'Abd al-Fattah Hunaidi.<sup>19</sup>

Antara contoh rangkaian sanad al-Quran yang diijazahkan oleh seorang *qari'* atau *muqri'* kepada muridnya ialah:

### Sanad al-Quran Riwayat Hafs Daripada 'Asim Menurut *Toriq al-Syatibiyah*<sup>20</sup>

رَبُّ الْعِزَّةِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى

جَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ الْهَاشِمِيُّ (ت40هـ)

أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ السُّلَمِيُّ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حَبِيبٍ (ت74هـ)

عَاصِمُ بْنُ أَبِي النَّجُودِ أَبُو بَكْرٍ الْكُوفِيُّ (ت127هـ)

حَفْصُ بْنُ سُلَيْمَانَ الْمُغِيرَةُ الْأَسَدِيُّ (ت180هـ)

عُبَيْدُ بْنُ الصَّبَّاحِ أَبُو مُحَمَّدٍ النَّهْشَلِيُّ (ت235هـ)

<sup>19</sup> Khairul Anuar bin Mohamad & Jalaluddin Hassanuddin Al Baghdadi. 2014. *Guru Al-Quran Profesional*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi. Ms 53.

<sup>20</sup> Aiman Rushdi Suwaid. 2007. *Al-Salasil Al-Zahabiyah Bi Al-Asanid Al-Nasyriyyah*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat. Ms 348.

أَحْمَدُ بْنُ سَهْلٍ الْأَشْجَنِيَّ (ت307هـ)

عَلِيِّ بْنِ مُحَمَّدٍ الْهَاشِمِيِّ (368هـ)

### Kriteria Tekstual Ijazah Sanad al-Quran

Sejak turun temurun, pengijazahan sanad al-Quran dilakukan secara lisan mahupun secara bertulis. Meskipun terdapat sedikit perbezaan metode yang disampaikan oleh seseorang guru kepada muridnya, namun kriteria dan ciri ijazah sanad al-Quran itu masih lagi dikekalkan bahkan diperkemas lagi penyusunan susur jalur sanad sehingga ke hari ini. Menurut Syeikh Abu 'Abd al-Rahman al-Maliki terdapat beberapa rukun dan kriteria ijazah sanad al-Quran iaitu:

- i. Syeikh akan menulis tajuk ijazah di awal kertas ijazah. Sebahagian mereka juga menulis namanya dan nama murid.
- ii. Kemudian, syeikh memulakan ucapan dengan *basmalah*, *hamdalah*, selawat dan khutbah ringkas, kemudian *أَمَّا بَعْدُ*.
- iii. Selepas itu, syeikh menulis nama penuhnya dan gelarannya dengan lafaz *ابن*.
- iv. Syeikh menulis nama penuh murid dan menyatakan bahawa si fulan bin si fulan telah datang kepadanya dan membaca sekian dan sekian (tempat bacaan al-Quran perlu dinyatakan), metode bacaan (hafazan atau melihat mushaf perlu dinyatakan), mengikut riwayat sekian (riwayat Qiraat perlu dinyatakan), megikut *toriq* (perlu dinyatakan) atau *Jam' al-Qiraat* (sekiranya murid membacanya).
- v. Sebahagian mereka menulis tarikh mula dan tamat bacaan serta tempat.
- vi. Selepas itu, syeikh akan mengijazahkan murid dengan lafaz *(أَجْرْتُهُ - أَجْرْتُ لَهُ)* dan jenisnya iaitu ijazah bacaan dan mengajar bacaan atau ijazah bacaan sahaja.
- vii. Sebahagian daripada syeikh menulis sifat dan akhlak murid sebagai kelayakan beliau untuk menerima ijazah.
- viii. Syeikh akan menyebut nama-nama guru beliau dengan lafaz *عَنْ*. Ada antara mereka yang menyatakan latar belakang serta pengalaman mereka dalam bertalaqqi al-Quran dengan guru-guru mereka.
- ix. Kemudian, dinyatakan susur jalur sanad syeikh dalam bacaan atau riwayat yang diperoleh.



- x. Sebahagian daripada syeikh menulis sanad mereka bersambung sehingga kepada Tuhan sekalian alam, sebahagian mereka pula memadai sanadnya ditulis sehingga kepada nabi Muhammad saw, dan ada yang menyandarkan sanad mereka kepada Imam Abu 'Amr al-Dani menerusi kitab beliau "*al-Taisir*" atau kepada Imam Ibn al-Jazari di dalam kitab beliau "*al-Nashr*". Adapun pandangan Syeikh al-Maliki, yang lebih utama ialah sanad seseorang itu ditulis secara bersambung sehingga kepada nabi Muhammad saw atau Tuhan sekalian alam.
- xi. Kemudian, syeikh akan menulis beberapa nasihat dan wasiat kepada murid dan syarat pengijazahan kepadanya.
- xii. Kemudian, doa diringkaskan kepada murid dan seluruh kaum muslimin.
- xiii. Ucapan selawat dan *tahmid* mengakhiri ijazah khas.
- xiv. Syeikh akan menandatangani ijazah khas, tarikh khatam dan cop rasmi syeikh.
- xv. Sebagai penutup proses pengijazahan sanad al-Quran, murid akan melafazkan ucapan tertentu sebagai bukti penerimaan ijazah khas.<sup>21</sup>

### Analisa Tekstual Ijazah Sanad al-Quran

Seseorang guru mahupun murid penerima ijazah perlulah memahami terlebih dahulu tekstual dan kandungan ijazah sanad tersebut agar warisan ini dapat disampaikan kepada generasi berikutnya dengan ilmu dan amanah.

Dalam kertas kerja ini, penulis akan mengumpul beberapa sijil sanad yang terpilih dalam kalangan *qari'* dan *muqri'* yang masyhur bagi tujuan analisa tekstual ijazah dan memberi pendedahan umum berdasarkan kepada kompilasi sanad popular.

### Sijil Satu: Syeikh Masyari Rashid al-'Afas

Analisa Umum	
Tajuk	Syeikh memulakan tekstual ijazah dengan basmalah
	Syeikh menulis tajuk ijazah dengan lafaz: إجازة في القرآن الكريم بقراءة عاصم بن أبي النجود الكوفي من طريق الشَّاطِيبِيَّة
Nama penerima ijazah	Masyari Rashid Al-'Afas

<sup>21</sup> Abu 'Abd al-Rahman al-Maliki. (16 April 2014). Sighah al-Ijazah al-Quraniyyah al-Maktubah. Rujuk: <http://www.ajurry.com/vb/showthread.php?t=37546&s=06762ef8922934d08069152811ffaff6>

Nama pemberi ijazah	Syeikh Abdul Rafi' bin Ridhuan bin 'Ali al-Syarqawi
Cop dan tandatangan	Syeikh menandatangani sijil ijazah beserta cop rasmi beliau
Tarikh	Sijil ijazah ini diberi kepada muridnya pada hari Rabu, bertarikh 29 Februari 2002 bersamaan 17 Rabiul Awwal 1423h
Lain-lain	<p>Terdapat potongan ayat yang dinyatakan dalam sijil sanad ini iaitu:</p> <p>Surah Hud, ayat 1:</p> <p>﴿الرَّ كُنْتُ أَحْكَمَتْ ءَايَةُ ثُمَّ فَصَّلَتْ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝١﴾</p> <p>Surah Ali 'Imran, ayat 58:</p> <p>﴿ذَلِكَ نَتْلُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ ۝٥٨﴾</p>



Tajuk ijazah

Syeikh menulis nama beserta tarikh lahirnya

Syeikh menyebut nama-nama guru beliau serta serba sedikit latar belakang mereka

Syeikh menulis jalur sanad mereka yang dengan menyatakan nama syeikh beserta tarikh lahir dan wafat.

Syeikh menandatangani ijazah khas beserta cop rasmi syeikh beserta tarikh ijazah dikeluarkan

Ijazah ini dimulai dengan basmalah

Syeikh memulakan dengan ucapan hamdalah, selawat, khutbah ringkas kemudian kemaslahat

syeikh menulis nama penuh dan menyatakan bahawa murid tersebut datang kepadanya untuk membaca pada Qiraat Asim tariq Syatibiah sehingga mendapat ijazahnya,

Petikan daripada Kitab Taisir berkenaan qiraat tujuh yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW

Syeikh menulis beberapa wasiat dan nasihat kepada muridnya

Ucapan selawat dan tahmid mengakhiri ijazah khas

**Sijil Dua: Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad**

Analisa Umum	
Tajuk	Syeikh memulakan tekstual ijazah dengan basmalah
	Syeikh menulis tajuk ijazah dengan lafaz: إجازة التجويد برواية حفص عن عاصم من طريق الشَّاطِيبِيَّة
Nama penerima ijazah	Khairul Anuar bin Mohamad al-Bakri al-Malizi
Nama pemberi ijazah	Syeikh Abu al-Nasr Muhammad Ridhuan ‘Abdullah Gharib
Cop dan tandatangan	Syeikh menandatangani sijil ijazah berserta cop rasmi beliau
Tarikh	Sijil ijazah ini diberi kepada muridnya pada hari Isnin, bertarikh 6 Sya'ban 1417h
Lain-lain	Terdapat potongan ayat yang dinyatakan dalam sijil sanad ini iaitu: Surah al-Isra', ayat 9: ﴿إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَيِّنُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۙ﴾ Petikan hadis nabi saw: ﴿حَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ﴾ (رواه البخاري)



**Sijil Tiga: Syeikh Solahuddin al-Mukhanat**

Analisa Umum	
Tajuk	Syeikh memulakan tekstual ijazah dengan basmalah
	Syeikh menulis tajuk ijazah dengan lafaz: <p style="text-align: center;">إِسْنَادُ رِوَايَةِ وَرَشٍ عَنِ نَافِعٍ مِنْ طَرِيقِ الشَّاطِبِيَّةِ</p>
Nama penerima ijazah	Solahuddin al-Mukhanat
Nama pemberi ijazah	Syeikh Tawfeq Ibrahim Dhamrah
Cop dan tandatangan	Syeikh menandatangani sijil ijazah berserta cop rasmi beliau
Saksi	Ijazah ini mempunyai dua orang saksi iaitu:  1. Syeikh Dr. Mohamed Al-Saigh  2. Syeikh Bakri bin Abdel Majid al-Tarabishi
Tarikh	Sijil ijazah ini diberi kepada muridnya pada hari Isnin, bertarikh 7 Disember 2009 bersamaan 20 Zulhijjah 1430h
Lain-lain	Terdapat petikan hadis nabi saw: <p style="text-align: center;">«خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ» (رواه البخاري)</p>

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**(سناد رواية ورش عن طريق الشاطبية)**

**الحمد لله الذي علم القرآن، خلق الإنسان علمه البيان، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، أوث كتابه من اصطفي من عباده، وأشهد أن سيدنا محمداً عبده ورسوله القائل: "خيركم من تعلم القرآن وعلمه" صلى الله عليه وعلى آله وصحبه الكرام والتابعين ثم بإحسان إلى يوم الدين، أما بعد: فإن من أفضل الطاعات وأعظم القربات تعلم القرآن الكريم وتلاوته على أهل الدربة والرواية بالإسناد المتصل، ورحم الله الإمام أحمد بن حنبل القائل: (الإسناد العالي سنة عن سلف) لذلك يقول أفقر البورى إلى رحمة مولاه خادم القرآن وأمله (توفيق إبراهيم ضمرة) قد وفق الله تعالى الأخ (صلاح الدين المشانت) لترتيل كتابه وقراءته فقرأ علي من القرآن الكريم بولاية ورش عن نافع المدني من طريق الشاطبية وكان آخر مجلس في إتمام القراء يوم الإثنين ١٤٣٠/١٢/٢٠هـ الموافق ٢٠٠٩/١٢/٧م) فجازته بها وأخبرته أي قرأتها القرآن الكريم كاملاً على شيخنا الدكتور محمد عالي الصانع فأجازني بها عن الشيخ مشهور العودات عن الشيخ سعيد العنباي، عن الشيخ محمد عبد رب النبي عبد اللطيف الرهاوي المصري، عن الشيخ حسن دمشقية (ح) وقرأت الفاتحة وأول خمس آيات من البقرة على شيخنا بكرى بن عبد المجيد الطرايشي وأجازني بالباقي وقرأ هو ودمشقية على الشيخ محمد سليم بن أحمد الحلواني، عن الشيخ أحمد محمد علي الحلواني، عن الشيخ أبي الفوار أحمد بن السيد رمضان المرزوقي، عن الشيخ إبراهيم العبيدي المصري، عن الشيخ عبد الرحمن بن حسن بن عمر الأجهوري، عن الشيخ أبي السماعيل أحمد بن رجب بن محمد البقري، عن الشيخ أبي عبد الله محمد قاسم البقري، عن الشيخ عبد الرحمن شحادة البجلي، عن الشيخ علي بن محمد بن علي الخزرجي المقدسي، عن الشيخ محمد بن إبراهيم بن أحمد السندوسي، عن الشيخ أحمد بن أسد بن عبد الواحد الأسيوطي، عن الإمام أبي الخير محمد بن محمد بن الجزري، عن الشيخ أبي محمد عبد الرحمن بن أحمد بن علي البغدادي، عن أبي عبد الله محمد بن أحمد بن عبد الحافظ الصانع المصري، عن أبي الحسن علي بن شجاع بن سالم العباسي، عن الإمام أبي محمد القاسم بن فوره الشاطبي، عن أبي الحسن علي بن محمد بن هنظل البنسي، عن أبي داود سليمان بن نجاح الأندلسي، عن الحافظ أبي عمرو عثمان بن سعيد الداني، عن خلف بن إبراهيم بن خاقان، عن أحمد بن أسامة، عن إسماعيل بن عبد الله، عن يوسف بن عمرو الأزرق، عن عثمان بن سعيد الملقب بورش، عن نافع المدني، عن يزيد بن رومان، عن عبد الله بن عياش عن أبي بن كعب عن النبي ﷺ عن جميل بن دراج عن رب العالمين ﷺ.**

المجيز الشيخ  
توفيق إبراهيم ضمرة  
شاهد على القرار المجيز  
الشيخ الدكتور محمد الصانع  
شاهد على القرار المجيز  
الشيخ العلامة بكرى بن عبد المجيد الطرايشي

تعلم كتاب الله المجيز  
الشيخ  
محمد علي حمدان قسمة  
جميع القراءات قسمة من طريق شاطبية

توفيق  
ابراهيم  
ضمرة

شاهد على القرار المجيز  
الشيخ العلامة بكرى بن عبد المجيد الطرايشي

شاهد على القرار المجيز  
الشيخ الدكتور محمد الصانع

شاهد على القرار المجيز  
الشيخ العلامة بكرى بن عبد المجيد الطرايشي

شاهد على القرار المجيز  
الشيخ العلامة بكرى بن عبد المجيد الطرايشي

Tajuk ijazah

Ijazah ini dimulai dengan basmalah

Syeikh memulakan dengan ucapan hamdalah, selawat, khutbah ringkas kemudian ama بعد

Syeikh menulis nama penuhnya dan murid, tarikh khatam beserta riwayat yang dibaca

Selepas itu, syeikh akan mengijazahkan murid dengan lafaz "فأجازته" dan jenisnya iaitu jenis bacaan dan mengajar bacaan atau ijazah bacaan sahaja. Selain itu, syeikh juga menulis susur galur sanad dalam bacaan atau riwayat yang diperolehi

Syeikh menulis jalur sanad mereka yang bersambung kepada Nabi Muhammad SAW dan Tuhan Sekalian Alam

Syeikh menandatangani ijazah khas beserta cop rasmi syeikh

#### 4. PENUTUP

Ijazah sanad al-Quran merupakan pengiktirafan tertinggi dalam bacaan al-Quran seseorang. Hal ini adalah kerana proses yang perlu dilalui bagi memperoleh sanad al-Quran bukanlah suatu yang mudah kerana murid perlu bertalaqqi dengan *qari'* atau *muqri'* dan memperbetulkan bacaannya, *waqf ibtida'*, makhraj sifat huruf, hukum tajwid dan hukum khas di hadapan guru tersebut bagi memastikan bacaannya menepati dengan kaedah riwayat yang dibaca. Bagi memperoleh ijazah sanad ini, para ulama meletakkan beberapa kriteria tekstual yang perlu difahami oleh seseorang murid agar proses talaqqi al-Quran itu menepati amalan warisan *al-Salaf al-Salih*. Meskipun masyarakat awam masih belum mengenali amalan talaqqi al-Quran bersanad, senario yang positif ini perlulah diperkenalkan dan diperluaskan di seluruh tempat agar persekitaran '*ilmi*' ini dapat melahirkan sebuah generasi '*al-Qurani al-Farid*'.

#### RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran al-Karim
- [2] al-'Arab, J. m.-L. (1989). *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Kaherah: Larus.
- [3] al-Banna, A. b. (2006). *Ithaf Fudhala' al-Bashar fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [4] al-Dausari, I. b. (2008). *Mukhtasar al-'Ibarat li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*. Riyadh: Dar al-Hadharah.
- [5] al-Din, B. (2014, Februari 2). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Didapatkan dari al-Utrujjah al-Islamiyyah: <http://otrujja.com>
- [6] al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqriin wa Murshid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [7] al-Jazari, M. b. (2002). *Toyyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- [8] al-Maliki, A. '-R. (2014, April 15). *Sighah al-Ijazah al-Quraniyyah al-Maktubah*. Didapatkan dari Ajurry.com
- [9] al-Qahirah, M. a.-L. (2003). *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Syuruq al-Dauliyyah.
- [10] al-Suyuti, J. '-R. (2003). *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar Tayyibah.
- [11] al-Tabari, M. b. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aay al-Quran*. Kaherah: Dar Hijr.



- [12] al-Tahanawi, M. b.-Q. (1996). *Mausu'ah Kashsyaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.
- [13] Hijazi, U. Y. (2005). *Hal al-Tajwid Wajib*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- [14] 'Itir, N. a.-D. (1997). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [15] Mohamad, K. A., & Al Baghdadi, J. H. (2014). *Guru Al-Quran Profesional*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- [16] Wahban, A. a.-W. (2004). *Ahasin al-Akhbar fi Mahasin al-Sab'ah al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- [17] Ahmad, Mohamad Muhsin (2013, 14 Mac). Pengetua Maahad Tahfiz al-Saidiyyah, Paroi. Temuramah.
- [18] Suwaid, Aiman Rushdi. 2007. *Al-Salasil Al-Zahabiyyah Bi Al-Asanid Al-Nasyriyyah*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.